

## Advancecon dapat kontrak ECRL RM14.6 juta

Mac 2, 2021 @ 8:47pm



Lakaran projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

KUALA LUMPUR: Advancecon Holdings Bhd meraih kontrak bernilai RM14.6 juta daripada kontraktor projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, ia memaklumkan anak syarikat milik sepenuhnya, Advancecon Infra Sdn Bhd (AISB) dilantik sebagai subkontraktor untuk cadangan pembinaan kerja-kerja tanah bagi Seksyen 4 projek berkenaan.

Menurut Advancecon, kontrak itu akan bermula pada 20 Mac hingga 17 September 2021.

Kontrak berkenaan dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan itu pada masa akan datang untuk sepanjang tempoh kontrak.

Advancecon berkata, kumpulan itu merancang untuk membiayai kontrak berkenaan menerusi penjanaaan dana dalaman atau pinjaman luaran.

AISB terbabit khususnya dalam menyediakan perkhidmatan kerja-kerja asas dan kejuruteraan awam.

-BERNAMA